

03 SEP 1998

Anwar-Reaksi (Sabah)

PELUCUTAN ANWAR SATU KEJUTAN BESAR, KATA DOMPOK

KOTA KINABALU, 3 Sept (Bernama) -- Ketua Menteri Sabah Tan Sri Bernard Dompok hari ini berkata pelucutan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan kerajaan merupakan satu kejutan besar kepada Sabah.

"Semua orang masih tidak tahu latar belakang sebenarnya berhubung pelucutan itu," katanya selepas merasmikan seminar mengenai pengurusan dasar dan strategi ekonomi berkesan di sini hari ini.

Dompok juga berkata bahawa yang penting sekarang ialah pemimpin-pemimpin negara dan orang ramai harus bersatu bagi membolehkan negara menangani masalah ekonomi kini.

"Saya rasa pengumuman oleh Perdana Menteri pada hari kelmarin untuk menyelesaikan masalah ekonomi merupakan langkah yang positif, dan ia baik untuk negara. Perdana Menteri wajar mendapat sokongan rakyat Sabah dalam tindakan yang diambilnya," katanya.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam meminta rakyat Sabah khususnya anggota Umno supaya bertenang.

Tindakan yang diambil oleh Perdana Menteri adalah demi kepentingan negara, katanya.

Dr Mahathir sudah tentu telah mempertimbangkan semua faktor sebelum mengambil tindakan itu, kata Osu yang juga Timbalan Ketua Menteri Sabah. Beliau pernah menjadi Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Persekutuan.

-- BERNAMA

KG RHM